

06/04/1999

Anwar failkan jawapan

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertanggung jawab memfitnahnya dan dengan sengaja menyebabkan penerbitan perkataan menghina di media tempatan serta luar negara.

Anwar yang mengemukakan jawapan kepada pernyataan pembelaan Dr Mahathir hari ini, berkata beliau akan menggunakan Seksyen 5 Akta Fitnah 1957 untuk menegaskan Perdana Menteri bertanggung jawab ke atas fitnah bertulis itu.

Jawapan itu difailkan oleh Tetuan Karpal Singh And Company di pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi, Wisma Denmark, di sini hari ini.

Anwar berkata, Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri tidak mempunyai perlindungan bersyarat apabila mengeluarkan kenyataan yang didakwa menghina pada September tahun lalu.

Menurutnya, Perdana Menteri tidak boleh bergantung kepada pembelaan perlindungan bersyarat kerana beliau menyebabkan perkataan itu disiarkan oleh media.

Katanya, pembelaan perlindungan bersyarat itu gagal kerana perkataan yang dikatakan oleh Dr Mahathir itu dibuat secara melulu dan didorong oleh niat jahat.

Selain itu, Anwar mendakwa Dr Mahathir mengeluarkan perkataan yang menghina dan merendahkan kedudukannya sebagai Ahli Parlimen dan ahli politik.

Pada 22 Mac lalu, Dr Mahathir mengemukakan pembelaan terhadap saman malu Anwar menuntut ganti rugi RM100 juta.

Dalam pembelannya, Dr Mahathir berkata beliau mengeluarkan kenyataan itu bagi menjawab balik kenyataan bekas Timbalan Perdana Menteri itu yang dibuat di khalayak ramai serta menerusi sidang akhbar.

Beliau memfailkan pernyataan pembelaan itu tanpa mudarat haknya untuk mengemukakan permohonan bagi membatalkan saman malu itu mengikut Aturan 18 Kaedah 19 (1) (a) (b) (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan dibacakan bersama bidang kuasa sedia ada mahkamah berkenaan.

Anwar, 51, memfailkan saman malu terhadap Dr Mahathir pada 25 Januari lalu, mendakwa Perdana Menteri memfitnahnya secara lisan dalam sidang akhbar yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 22 September tahun lalu.

Dr Mahathir berkata, Anwar selepas dilucutkan jawatan daripada Kabinet pada 2 September tahun lalu dan dipecat daripada Umno sehari selepas itu, membuat kenyataan menyerangnya, kerajaan Malaysia dan Umno, parti yang Dr Mahathir menjadi presiden.

Menurutnya, Anwar mengeluarkan kenyataan pada 3 September bagi menjawab affidavit yang difailkan dalam kes Datuk S Nallakaruppan dan dia menafikan tohmahan dalam affidavit serta mendakwa ada konspirasi politik peringkat tertinggi menjatuhkannya.

Pada 4 September, dalam perhimpunan di rumahnya Anwar membuat ucapan di depan media tempatan dan asing. Sekali lagi, dia mengulangi dakwaan ada konspirasi politik menjatuhkannya.

Anwar juga memberitahu wartawan akhbar The Sun pada 4 September bahawa jentera kerajaan seperti Peguam Negara dan polis digunakan untuk membuat tuduhan palsu terhadapnya.

Bekas Menteri Kewangan itu pada 18 September mencabar Dr Mahathir supaya meletak jawatan sebagai Perdana Menteri dan mendakwa Dr Mahathir marah apabila dia (Anwar) meminta Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad

Zahid Hamidi membangkitkan isu kronisme, nepotisme dan rasuah dalam perhimpunan agung Umno.

Dr Mahathir mendakwa, beliau mengeluarkan kenyataan itu bagi melaksanakan kewajipan sosial dan moral kepada rakyat negara ini bagi memastikan ketenteraman dan keselamatan awam serta menjamin keselamatan rakyat.

Menurutnya, pada 20 September tahun lalu beberapa demonstrasi haram diadakan bagi menyokong Anwar di ibu pejabat Umno di Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC) dan harta benda di bangunan itu dimusnahkan.

Katanya, demonstrasi haram itu juga diadakan di Masjid Negara, Dataran Merdeka dan cubaan dibuat untuk berarak ke kediaman rasmi Perdana Menteri di Sri Perdana.

Dr Mahathir berkata, beliau mengadakan sidang akhbar pada 22 September untuk menjawab pertanyaan dan memberi penjelasan kepada rakyat Malaysia serta dunia berhubung pelucutan jawatan Anwar daripada Kabinet.

Menurutnya, beliau menerima permintaan Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang; Presiden Aliran P Ramakrishnan dan 14 pertubuhan bukan kerajaan supaya memberi penjelasan pelucutan jawatan Anwar.

Beliau berkata, kenyataan didakwa menghina Anwar itu dibuat hasil daripada soalan terus yang dikemukakan oleh wartawan dalam sidang akhbar berkenaan.

Katanya, kenyataan itu mempunyai hubung kait dengan kerajaan dan politik, terutamanya sebab Anwar dipecat serta kesesuaiannya memegang jawatan berkenaan.

Menurutnya, penjelasan itu bagi perhatian rakyat Malaysia di dalam dan luar negara.

Sehubungan itu, katanya, kenyataan beliau yang disiarkan oleh media tidak boleh dikenakan tindakan saman malu.

Dr Mahathir menafikan kenyataan itu bertujuan menghina keperibadian Anwar atau jawatan rasminya kerana ketika itu Anwar sudah tidak memegang apa-apa jawatan dalam kerajaan atau parti.

Menurutnya, beliau juga menafikan bertanggung jawab terhadap kenyataannya yang disiarkan akhbar The Sun, majalah Newsweek dan Cable News Network (CNN).

Beliau menafikan Anwar mempunyai hak untuk mendapat sebarang ganti rugi sama ada ganti rugi teladan atau gantian.

Anwar mendakwa Dr Mahathir mengeluarkan kenyataan yang memfitnahnya di depan wartawan tempatan dan asing dalam sidang akhbar pada 22 September.

Menurutnya, Dr Mahathir mengetahui kenyataan itu akan disiarkan oleh media tempatan dan luar negara.

Sehubungan itu, katanya, wartawan majalah Newsweek, Dorinda Elliot, menulis artikel bertajuk Here's mud in your face - Accusations of sexual misconduct and corruption in an Asian smear war that rivals even Washington's berdasarkan kepada kenyataan Dr Mahathir itu.

Anwar mendakwa, artikel itu disiarkan pada halaman 24 majalah Newsweek keluaran 5 Oktober 1998 dan diedarkan secara meluas di Malaysia dan seluruh dunia.

Menurutnya, artikel itu juga disiarkan oleh akhbar The Sun pada halaman dua 23 September 1998 bertajuk: Anwar's behaviour despicable: PM dan CNN International serta beberapa stesen televisyen dan radio.

Katanya, Dr Mahathir mengetahui pada ketika itu semua tohmahan terhadapnya dalam siasatan jenayah dan beliau (Anwar) tidak berpeluang menjawabnya kerana dalam tahanan.

Anwar mendakwa, Dr Mahathir mengeluarkan kenyataan itu untuk merosakkan nama baiknya bagi memastikan kepentingan dan kedudukan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri terjamin.

(END)